



---

PELAKSANAAN  
PROGRAM  
CUMA LIMA MINIT ANTI DADAH  
- MODUS OPERANDI -

---

PEJABAT PELAJARAN DAERAH  
JOHOR BAHRU

PELAKSANAAN  
PROGRAM CUMA LIMA MINIT ANTI DADAH  
- MODUS OPERANDI -

## 1. PENDAHULUAN

Kegiatan penyeludupan, pengedaran dan penggunaan dadah secara haram telah mengakibatkan ramai rakyat Negara ini terlibat dengan penagihan dadah. Penglibatan sebilangan besar muda-mudi dengan dadah secara menyeluruh boleh membawa kesan-kesan yang buruk terhadap pembangunan sosioekonomi, ketahanan diri dan keselamatan Negara. Masalah dadah di Negara ini telah sampai ke tahap yang mana kerajaan menganggapnya sebagai masalah keselamatan. Memandangkan sebilangan besar muda-mudi terlibat dengan dadah, sudah pasti keadaan ini mengancam keselamatan pelajar-pelajar terdedah serta berada di dalam keadaan risiko tinggi akan terlibat dengan dadah.

Dari tahun 1970-1994 terdapat hampir 200,000 orang penagih dadah yang telah dikesan di seluruh negara. 80,000 orang adalah penagih tegar. Keadaan ini menyebabkan pelajar terdedah dan berada dalam risiko tinggi akan terlibat sama jika sekiranya usaha Pendidikan Pencegahan Dadah tidak dilaksanakan secara menyeluruh sehingga ke akar umbi.

Dari tahun 1983-1993 jumlah pelajar yang terlibat dengan dadah dan Inhalan ialah seramai 2,370 orang (1,553 orang yang terlibat dengan dadah dan 817 orang terlibat dengan Inhalan). Keadaan ini akan bertambah buruk, jika sekiranya usaha-usaha yang lebih serius tidak dilaksanakan di semua peringkat. Oleh itu untuk memastikan pelajar-pelajar kita tidak akan terlibat dengan dadah dan sekolah merupakan satu tempat yang bebas dari dadah atau "Drug Free School" atau "School Without Drug", Maka sudah sampai masanya semua warga pendidikan melibatkan diri masing-masing dengan penuh minat dan kesungguhan untuk mencegah wabak ini. Oleh itu pendedahan tentang bahaya-bahaya dadah amat perlu disampaikan kepada semua pelajar dan guru di peringkat sekolah rendah sehinggalah ke peringkat sekolah menengah. Dengan pengetahuan dan kefahaman yang ada, sekurang-kurangnya dapat berfungsi sebagai benteng untuk menahan mereka daripada terjebak dengan dadah. Satu cara yang paling praktikal dan berkesan untuk menyampaikan mesej ini ialah melalui PROGRAM CUMA LIMA MINIT ANTI DADAH.

## 2. RASIONAL

Masa dan tenaga tidak mencukupi untuk memberi pendedahan tentang bahaya-bahaya dadah kepada semua kumpulan sasaran yang terdiri daripada masyarakat-masyarakat sekolah dalam masa yang singkat dan menyeluruh.

### 3. MATLAMAT

Untuk mewujudkan “Sekolah Bebas Dari Dadah” berteraskan konsep “Zero Defect”.

### 4. OBJEKTIF

- 4.1 Untuk memberi pendedahan tentang bahaya-bahaya dadah kepada pelajar dan guru secara menyeluruh.
- 4.2 Untuk memastikan semua guru-guru melibatkan diri dalam Usaha Pendidikan pencegahan dadah.
- 4.3 Untuk melahirkan pelajar yang bertanggungjawab, bermoral dan berakhlak mulia.
- 4.4 Untuk melahirkan guru-guru yang bertanggungjawab bukan sahaja dibidang akademik.

### 5. KUMPULAN SASAR

- 5.1 Murid-murid Tahun 3 – 6 (Sekolah Rendah)
- 5.2 Pelajar-pelajar Tingkatan Peralihan – Tingkatan 6 Atas (Sekolah Menengah).
- 5.3 Semua guru-guru sekolah rendah dan sekolah menengah.

## 6. PELAKSANAAN

6.1 Program Cuma Lima Minit Anti Dadah ini dilaksanakan sebanyak DUA kali dalam setahun iaitu sempena dengan ulangtahun Hari Anti Dadah Kebangsaan pada 19 Februari tiap-tiap tahun dan Ulangtahun Hari Anti Dadah Antarabangsa pada 26 Jun tiap-tiap tahun.

### 6.2 Ikrar Anti Dadah

Program ini dimulakan dengan bacaan Ikrar Anti Dadah pada Hari Pertama oleh pelajar semasa perhimpunan di adakan. Ikrar ini akan dibaca oleh seorang pelajar dan diikuti oleh pelajar-pelajar lain dan guru-guru. Ikrar Anti Dadah adalah seperti berikut:

BAHAWASANYA KAMI RAKYAT  
MALAYSIA BERIKRAR  
UNTUK MENJAUHKAN DIRI DARI DADAH PADA  
SETIAP MASA DENGAN:

MEMENUHI MASA LAPANG DENGAN  
KERJA-KERJA YANG BERFAEDAH;

MELIBATKAN DIRI DALAM AKTIVITI-  
AKTIVITI YANG BERGUNA DAN BERFUNGSI  
KEPADA MASYARAKAT;

MENJADI RAKYAT BERILMU,  
BERAKHLAK MULIA DAN MENGAMAL  
CARA HIDUP SIHAT DAN CERGAS;

MENYEDIAKAN DIRI UNTUK MENGISI  
KEPERLUAN WAWASAN, DAN;

MEMBANTU SEGALA USAHA BAGI  
MEMBEBASAKAN NEGARA MALAYSIA  
DARI ANCAMAN DADAH

### 6.3 Jangkamasa Program

6.4 Program ini akan dijalankan selama 7 hari.

Sebelum mengajar mata pelajaran pada tiap-tiap waktu guru-guru dikehendaki mengajar atau menerangkan selama 5 minit satu tajuk tentang dadah. Diwaktu akhir (Waktu Ke 8) sesi soal jawab diantara guru dan murid diadakan tentang tajuk-tajuk yang telah diterangkan. Diakhir program ini sekali lagi lafaz ikrar dibaca oleh ketua murid dan diikuti oleh pelajar-pelajar lain di dalam kelas masing-masing.

### 6.5 Jadual Waktu

Jadual Waktu Program Cuma Lima Minit Anti Dadah seperti berikut:

#### 6.5.1 Jadual Waktu Dan Tajuk Untuk Sempena Hari Anti Dadah Kebangsaan.

| MASA / HARI | 1 – 5MIN. | 2 – 5MIN. | 3 – 5MIN. | 4 – 5MIN. | 5 – 5MIN. | 6 – 5MIN. | 7 – 5MIN. | 8 – 5MIN. |
|-------------|-----------|-----------|-----------|-----------|-----------|-----------|-----------|-----------|
| 1           | - IKRAR   | T1        | T2        | T3        | T4        | T5        | T6        | SJ        |
| 2           | T7        | T8        | T9        | T10       | T11       | T12       | T13       | SJ        |
| 3           | T14       | T15       | T16       | T17       | T18       | T19       | T20       | SJ        |
| 4           | T21       | T22       | T23       | T24       | T25       | T26       | T27       | SJ        |
| 5           | T28       | T29       | T30       | T31       | T32       | T33       | T34       | SJ        |
| 6           | T35       | T36       | T37       | T38       | T39       | T40       | T41       | SJ        |
| 7           | T42       | T43       | T44       | T45       | T46       | T47       | T48       | IKRAR     |

Petunjuk :

T = Tajuk

SJ = Soal Jawab

## 6.5.2 Jadual Waktu Dan Tajuk Sempena Hari Anti Dadah

### Antarabangsa

| MASA / HARI | 1 – 5MIN. | 2 – 5MIN. | 3 – 5MIN. | 4 – 5MIN. | 5 – 5MIN. | 6 – 5MIN. | 7 – 5MIN. | 8 – 5MIN. |
|-------------|-----------|-----------|-----------|-----------|-----------|-----------|-----------|-----------|
| 1           | - IKRAR   | T49       | T50       | T51       | T52       | T53       | T54       | SJ        |
| 2           | T55       | T49       | T50       | T58       | T59       | T60       | T61       | SJ        |
| 3           | T62       | T56       | T57       | T65       | T66       | T67       | T68       | SJ        |
| 4           | T69       | T63       | T64       | T72       | T73       | T74       | T75       | SJ        |
| 5           | T76       | T70       | T78       | T79       | T80       | T81       | T82       | SJ        |
| 6           | T83       | T84       | T85       | T84       | T85       | T86       | T87       | SJ        |
| 7           | T488      | T89       | T90       | T91       | T92       | T93       | T94       | IKRAR     |

Petunjuk :

T = Tajuk

SJ = Soal Jawab

### TAJUK-TAJUK

- Tajuk 1 : Sejarah Penggunaan Dadah Di Dunia
- Tajuk 2 : Sejarah Penggunaan Dadah Di Malaysia.
- Tajuk 3 : Kawasan Pengeluaran Dadah
- Tajuk 4 : Persidangan Antarabangsa Tentang Penyalahgunaan Dan Penedaran Dadah Di Vienne, Austria.
- Tajuk 5 : Masalah Dadah Di Malaysia.
- Tajuk 6 : Faktor-faktor kemasukan Dadah.
- Tajuk 7 : Kedudukan Penagihan Dadah Di Malaysia
- Tajuk 8 : Dadah Membawa Maut
- Tajuk 9 : Pandangan Agama Islam Tentang Dadah
- Tajuk 10 : Pandangan Agama Buddha Tentang Dadah

- Tajuk 11 : Pandangan Agama Hindu Tentang Dadah
- Tajuk 12 : Pandangan Agama Kristian Tentang Dadah
- Tajuk 13 : Undang-Undang Dadah Di Malaysia
- Tajuk 14 : Akta Dadah Berbahaya 1952
- Tajuk 15 : Akta Racun 1952
- Tajuk 16 : Akta Penagih Dadah (Rawatan Dan Pemulihan) (1983)
- Tajuk 17 : Akta Dadah Berbahaya 1952 (Langkah-langkah Pencegahan Khas) 1985.
- Tajuk 18 : Akta Dadah Berbahaya 1952 (Perlucutankan Harta) 1988
- Tajuk 19 : Akta Dadah Berbahaya Dan Hukuman Mengikut Seksyen - Pengimportan.
- Tajuk 20 : Akta Dadah Berbahaya Dan Hukuman Mengikut Seksyen - Pengeksportan Dan Pemilikan.
- Tajuk 21 : Akta Dadah berbahaya Dan Hukuman Mengikut Seksyen – Pengedaran Penanaman, Pengilangan Dan pengguna.
- Tajuk 22 : Akta dadah Berbahaya Dan Hukuman Mengikut Seksyen – Membenarkan Premis Digunakan Untuk Aktiviti Dadah.
- Tajuk 23 : Akta Dadah Berbahaya Dan Hukuman Seksyen – Berurusniaga Dadah.
- Tajuk 24 : Akta Dadah Berbahaya Dan Hukuma Mengikut Seksyen –Kesalahan Mengikut Seksyen 28, 32, 33, 34 Dan 35.

- Tajuk 26 : Apa Itu Dadah
- Tajuk 27 : Dadah Dan Ciri-Cirinya.
- Tajuk 28 : Ciri-Ciri Penagihan Dadah.
- Tajuk 29 : Faktor-faktor Mempengaruhi Kesan Dadah.
- Tajuk 30 : Dadah Dan Kesannya Kepada Fizikal.
- Tajuk 31 : Dadah Dan Kesannya Kepada Fizikal.
- Tajuk 32 : Dadah Dan Kesannya Kepada Sosial.
- Tajuk 33 : Perbezaan Diantara Ubat Dan Dadah.
- Tajuk 34 : Kesan Pengambilan Dadah kepada Manusia.
- Tajuk 35 : Akibat Dadah Kepada Diri.
- Tajuk 36 : Akibat Dadah Kepada kesihatan Diri.
- Tajuk 37 : Akibat Dadah Kepada Keluarga.
- Tajuk 38 : Akibat Dadah Kepada Masyarakat.
- Tajuk 39 : Akibat Dadah Kepada Ekonomi Dan keselamatan Negara
- Tajuk 40 : Tanda-Tanda Untuk Mengenali Penagih Dadah.
- Tajuk 41 : Bagaimana Pengesanan Penagih Dadah.
- Tajuk 42 : Apa Itu Rawatan Detoksifikasi.
- Tajuk 43 : Apa itu Pergantungan Kepada Dadah?
- Tajuk 44 : Jenis-Jenis Dadah
- Tajuk 45 : Perbandingan Kekuatan Dadah.
- Tajuk 46 : Sebab Mula Mengguna Dadah, Pekerjaan Dan Kelulusan Tinggi.
- Tajuk 47 : Kanabis (Ganja)

|          |   |  |
|----------|---|--|
| Tajuk 48 | : | Jenis kanabis (ganja)                          |
| Tajuk 49 | : | Kanabis Herba (Ganja)                          |
| Tajuk 50 | : | Resin Getah Kanabis (Hashish, Charas).         |
| Tajuk 51 | : | Minyak Hashish.                                |
| Tajuk 52 | : | Kesan Penggunaan Ganja.                        |
| Tajuk 53 | : | Kesan Ganja Kepada Tubuh Manusia.              |
| Tajuk 54 | : | Bahaya Penagihan Ganja                         |
| Tajuk 55 | : | Kesan Ganja Kepada Paru-Paru Dan ganja.        |
| Tajuk 56 | : | Kesan Ganja ke Atas otak.                      |
| Tajuk 57 | : | Kesan Ganja Kepada Personaliti                 |
| Tajuk 58 | : | Kesan Ganja Kepada Sistem pembiakan Lelaki.    |
| Tajuk 59 | : | Kesan Ganja Kepada Sistem Pembiakan perempuan. |
| Tajuk 60 | : | Apa Itu Opiat?                                 |
| Tajuk 61 | : | Apa Itu Candu?                                 |
| Tajuk 62 | : | Apa Itu Morfin.                                |
| Tajuk 63 | : | Jenis-Jenis Morfin.                            |
| Tajuk 64 | : | Kesan Dan Bahaya Morfin.                       |
| Tajuk 65 | : | Apa Itu Heroin?                                |
| Tajuk 66 | : | Heroin No. 3.                                  |
| Tajuk 67 | : | Heroin No. 4.                                  |
| Tajuk 68 | : | “Brown Heroin”                                 |
| Tajuk 69 | : | Heroin “Black tar”                             |
| Tajuk 70 | : | Risiko Kerana Dos Heroin                       |

- Tajuk 71 : Risiko Mengambil Heroin yang Dicampur Dengan Dadah Lain.
- Tajuk 72 : Risiko Kemalangan Kerana Mengambil Heroin.
- Tajuk 73 : Risiko Mengambil Berbagai jenis Dadah.
- Tajuk 74 : Riskiko Mengambil Heroin Kepada Wanita Mengandung.
- Tajuk 75 : Kesan Dan Penggunaan Heroin No. 2.
- Tajuk 76 : Bahaya Heroin.
- Tajuk 77 : Masalah Psikologi Penagih Opiat.
- Tajuk 78 : Apa Itu Dpresen?
- Tajuk 79 : Kesan Dan Bahaya Penggunaan Amfetamin.
- Tajuk 80 : Apa Itu Dadah perangsang?
- Tajuk 81 : Ap Itu Dadah perangsang?
- Tajuk 82 : Amfitamin
- Tajuk 83 : Kesan Dan Bahaya Penggunaan Amfitamin.
- Tajuk 84 : Apa Itu Kokain.
- Tajuk 85 : Daun Koka (Cocoa Leaf) Dan “paste” Koka (Cocoa Paste).
- Tajuk 86 : Kokain
- Tajuk 87 : “Cocaine Freebase”
- Tajuk 88 : “ Crack Cocaine”.

- Tajuk 89 : Kesan Dan Bahaya Penggunaan kokain.
- Tajuk 90 : Designer Drugs.
- Tajuk 91 : Kumpulan Utama Designer Drugs.
- Tajuk 92 : Apa itu Inhalan.
- Tajuk 93 : Kesan Serta Merta Menghidu Inhalan.
- Tajuk 94 : Kesan Jangka Panjang Menghidu Inhalan.

## 8. BAHAN-BAHAN RUJUKAN

Guru-guru boleh menggunakan buku Cuma Lima Minit Anti Dadah sebagai panduan di dalam melaksanakan program ini. Guru-guru juga boleh menggunakan buku-buku, risalah, carta dan bahan-bahan bercetak lain yang berkaitan dengan dadah.

## 9. PENILAIAN

Satu kajian atau soal selidik akan diadakan selepas program ini dilaksanakan bertujuan untuk mendapat maklumbalas dan menilai sejauh manakah keberkesanan program ini kepada pelajar dan guru-guru dalam menuju ke arah pencapaian objektif dan matlamatnya.

## 10. PENUTUP

Melalui Program Cuma Lima Minit Anti Dadah ini pelajar dan guru-guru telah didedahkan maklumat tentang dadah dan bahaya-bahayanya selama 470 minit (7 jam 50 minit). Semoga melalui program ini pelajar dan guru-guru sentiasa berwaspada dan berusaha untuk mencegah dadah supaya matlamat 'Sekolah Bebas Dari Dadah' berteraskan konsep "Zero Defect" menjadi kenyataan.